
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HMT 501 - FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA MALAYSIA
LANJUTAN**

Masa 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Jawab Soalan 1 dan mana-mana SATU soalan dari 2, 3 atau 4 dalam Bahagian A.
2. Jawab DUA soalan daripada Bahagian B.
3. Jawab Bahagian A dan Bahagian B di atas buku jawapan yang berasingan.

Bahagian A - FONETIK

Soalan 1 WAJIB dijawab. Kemudian pilih dan jawab SATU soalan sahaja: Soalan 2, Soalan 3 ATAU Soalan 4. Serahkan kertas soalan ini bersama dengan buku jawapan bahagian fonetik.

1. Guna **Teks 1** untuk menjawab (a)-(c). Gunakan juga kertas transkripsi yang diedarkan untuk menjawab (a) dan (b).
 - (a) Dengan menggunakan sebutan baku [a], berikan transkripsi luas.
(40 markah)
 - (b) Dengan menggunakan sebutan baku [a], berikan transkripsi sempit.
(40 markah)
 - (c) Jelaskan perkaitan interpretasi ortografi ejaan bahasa Melayu dengan transkripsi fonetik.
(20 markah)

Teks 1
<p>Pengurus Produk Rantau Asia Kingston, Dave Lee, berkata ia boleh diperolehi dalam tiga tahap kelajuan iaitu 2, 4 dan 6 dan disasarkan kepada peranti digital dan telefon mudah alih pelbagai fungsi.</p> <p>Beliau berkata, dengan penciptaan telefon selular, pemain MP3 dan pembantu peribadi digital, pengguna memerlukan kadar pertukaran data dengan kelajuan tinggi, peningkatan simpanan data dan bentuk lebih kecil.</p> <p>Kad ingatan itu, katanya mampu menyimpan 2,000 imej, 750 trak muzik digital dan 4.5 jam video MPEG.</p> <p style="text-align: right;">www.bharian.com.my</p>

Petikan 1

2. Pilih dan bincang dengan lengkap penghasilan EMPAT daripada bunyi (a) hingga (f). Perbincangan anda mesti disertai dengan (i) dua contoh bunyi dari daerah artikulasi yang berbeza dan deskripsi fonetik bunyi-bunyi ini, (ii) rajah sagital yang lengkap berlabel untuk setiap contoh bunyi dalam (i), (iii) rajah keadaan glotis untuk setiap contoh bunyi dalam (i), dan (iv) carta IPA yang bersesuaian.

- (a) konsonan
- (b) vokal
- (c) diftong
- (d) oral
- (e) nasal
- (f) bersuara

(100 markah)

3. Jelaskan dengan lengkap sebab dan cara seorang kanak-kanak Melayu berusia dua tahun boleh mengujarkan /pulasan/ sebagai [p̚] dan /susu/ sebagai [s̚]. Penjelasan anda mesti disertai dengan (i) rajah sagital yang lengkap berlabel, (ii) rajah keadaan glotis, dan (iii) carta IPA yang bersesuaian. Selain dari itu, berikan juga deskripsi fonetik untuk bunyi yang terlibat dalam kedua-dua perkataan ini.

(100 markah)

4. Jadual 1 dan **Rajah 1** dalam soalan ini merujuk kepada struktur ayat penyata adik + makan + bubur + nasi, dan **Rajah 2** merujuk kepada struktur ayat penyata dan ayat soal adik + makan + bubur + nasi yang dirakam menggunakan program Praat. Pemahaman terhadap program Praat ini perlu digunakan untuk menjawab (a)-(f).

- (a) Menggunakan maklumat dari Jadual 1, lakukan kiraan untuk menentukan bunyi yang bakal ditemui.


(16 markah)

Jadual 1

Masa_s	F1_Hz	F2_Hz	F3_Hz	F4_Hz
0.413377	488.813536	1624.561309	2811.674022	4148.850729
0.666568	431.490238	2642.445892	3060.216204	4434.017079
1.320970	587.768173	1390.811406	3327.768192	4553.257810
1.671542	618.277032	1721.051585	2907.668829	4405.434848
2.345421	427.041333	1609.279565	3495.395112	4128.175781
2.575240	452.968671	994.390897	3236.194884	4022.663233
3.245223	619.634830	1703.165620	3078.815150	4363.983140
3.545158	326.452594	2778.699679	3474.794256	4718.995034

- (b) Lakar graf bunyi yang ditemui dalam (4a). (12 markah)
- (c) Hasilkan satu senarai bunyi dari (4b), dan berikan deskripsi fonetik untuk bunyi-bunyi ini. (8 markah)
- (d) Padankan di **Rajah 1** ujaran setiap bunyi dalam struktur ayat nyata adik + makan + bubur + nasi dengan gelombang bunyi. Tentukan dengan tepat sempadan setiap bunyi dan kesenyapan. (20 markah)

Rajah 1




- (e) Tentukan dalam **Rajah 2** bahagian yang memperlihatkan gelombang bunyi untuk ayat penyata dan gelombang bunyi untuk ayat soal dengan membulatkan dan melabelkan bahagian tersebut.

(4 markah)

- (f) Menggunakan maklumat dari **Rajah 2** juga, kenal pasti dan bincang dengan lengkap perbezaan dan persamaan kelangsingan, intensiti, dan intonasi untuk menghasilkan ayat penyata dan ayat soal adik + makan + bubur + nasi.

(40 markah)

Rajah 2



Bahagian B - FONOLOGI

Jawab mana-mana DUA soalan daripada bahagian ini.

5. Jawab (a), (b) dan (c).

- (a) Berdasarkan pendekatan atur rumus, berikan rumus-rumus fonologi yang berlaku dalam **DATA A**.

DATA A: Dialek Melayu Johor Riau

(i)	/nakal/	[na]kal]
(ii)	/suam/	[suwam]
(iii)	/di + atas/	[di/atas]
(iv)	/k↔riN/	[k↔reN]
(v)	/bila/	[bil↔]

Diubahsuai daripada Farid Onn, (1980)

(35 markah)

- (b) Berikan rajah pohon fitur distingtif bagi fonem-fonem dialek Melayu Johor Riau dengan merujuk kepada fitur distingtif Sagey (1986).

- (i) vokal /a/
- (ii) vokal /u/
- (iii) konsonan /b/
- (iv) konsonan /s/
- (v) konsonan ///

(35 markah)

- (c) Huraikan secara ringkas maksud perkara di bawah. Jawapan anda perlulah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

- (i) Asimilasi
- (ii) Pembentukan geluncuran

(30 markah)

...8/-

6. Berdasarkan **DATA B**, huraikan proses fonologi yang berlaku dalam dialek Melayu Johor Riau. Jawapan anda perlulah berdasarkan teori autosegmental dengan menggunakan mana-mana model fitur distingtif yang anda tahu.

DATA B: Dialek Melayu Johor Riau

i.	/m↔N+ gali/	[m↔Ngali]	'menggali'
ii.	/m↔N+ kalah/	[m↔Nalah]	'mengalah'

Diubahsuai daripada Tajul Aripin, (2000)

(100 markah)

7. Jawab (a) dan (b)

- (a) Berdasarkan **DATA C**, nyatakan ketertiban rumus struktur permukaan bagi perkataan-perkataan dalam dialek Melayu Kelantan (DMK) dan dialek Melayu Gerik (DMG).

DATA C: Dialek Melayu Kelantan dan Dialek Melayu Gerik

		DMK	DMG	
i.	/N + t↔nun/	[n↔noN]	[n↔no)N]	'menenun'
ii.	/kawan/	[kawE]	[kawE)N]	'kawan'
iii.	/piriN/	[pi⊗iN]	[pi⊗i)N]	'piring'

Diubahsuai daripada Tajul Aripin, (2000)

(30 markah)

- (b) Berdasarkan teori autosegmental dan modul representasi fonologi Sagey (1986), huraikan proses pembentukan geluncuran dalam dialek yang anda tahu.

(70 markah)